



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA**

MAJLIS PENUTUPAN PERSIDANGAN JURUAUDIT ASEAN 2025

**UNTUK SIARAN SEGERA
28 MEI 2025**

PUTRAJAYA, 28 Mei 2025 – Persidangan Juruaudit ASEAN 2025 melabuhkan tirainya hari ini dengan kehadiran seramai 2,260 peserta termasuk daripada Institusi Audit Tertinggi (Supreme Audit Institution – SAI) negara ASEAN dan Asia, menandakan kejayaan dalam mengarusperdanakan peranan juruaudit dalam menyokong pembangunan mampan serantau.

Kemuncak Persidangan ialah ucapan penutup persidangan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. YAB Perdana Menteri dalam ucapan beliau menegaskan komitmen Kerajaan Malaysia terhadap pengukuhan tatakelola baik dan integriti institusi awam.

Ketua Audit Negara, YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, menegaskan bahawa Persidangan ini menjadi platform strategik untuk memperkukuh kerjasama serantau ke arah pemantapan tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan sektor awam. Beliau turut menekankan bahawa transformasi digital kini merupakan suatu keperluan mendesak dalam landskap pengauditan moden, dan bukan lagi satu pilihan. Dalam ucapannya, beliau berkongsi bahawa Malaysia komited untuk menerajui pembaharuan ini melalui Projek Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan Audit Negara, yang memberi penekanan kepada pelaksanaan audit masa nyata serta penggunaan analitik data secara meluas. Pendekatan ini diyakini dapat menjadi asas kepada tadbir urus yang lebih telus, responsif dan berimpak tinggi, sejajar dengan aspirasi Malaysia ke arah sistem penyampaian awam yang lebih cekap dan berdaya tahan.

Antara sorotan utama dan intipati penting yang dicapai dalam persidangan ini adalah:

- i. YBhg. Dr. Kao Kim Hourn, Setiausaha Agung ASEAN dalam ucapannya menegaskan komitmen ASEAN terhadap pertumbuhan inklusif dan mampan melalui tadbir urus yang kukuh, transformasi digital dan penyesuaian bagi menjamin ketahanan iklim serta mengiktiraf peranan penting juruaudit dalam memberikan jaminan yang boleh dipercayai dalam bidang seperti kecerdasan buatan (AI), Alam Sekitar, Sosial dan Tatakelola (ESG) dan akauntabiliti sektor awam.
- ii. Kepentingan audit susulan dalam meningkatkan tadbir urus, seperti dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara melalui inisiatif pengenalan Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara Malaysia (*Auditor General's Dashboard* – AGD) dan Sistem Informasi Pelaporan Tindak Lanjut (SIPTL) berasaskan AI oleh Institusi Audit Tertinggi (Supreme Audit Institution – SAI) Indonesia, serta kerjasama serantau termasuk inisiatif pemantauan cadangan audit oleh SAI Filipina.
- iii. Perkongsian dan perbincangan mengenai transformasi audit digital yang didorong oleh data, AI dan automasi, peranan audit dalaman yang berubah, penilaian risiko berasaskan AI, tadbir urus cukai dan pembangunan kapasiti modal insan ke arah tadbir urus masa depan yang lebih bersepadu dan mampan.

Penganjuran persidangan ini mendapat sokongan dan kerjasama erat daripada Institut Akauntan Malaysia (MIA), Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA), Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM) serta firma audit utama seperti Deloitte, Ernst & Young (EY), Klynveld Peat Marwick Goerdeler (KPMG) dan PricewaterhouseCoopers (PwC) melalui sesi perkongsian sepanjang dua hari persidangan berlangsung.

**Dikeluarkan oleh:
Jabatan Audit Negara**





**PRESS RELEASE
PRIME MINISTER DEPARTMENT
NATIONAL AUDIT DEPARTMENT MALAYSIA**

**CLOSING CEREMONY OF THE ASEAN AUDITOR CONFERENCE
2025**

**FOR IMMEDIATE RELEASE
28 MAY 2025**

PUTRAJAYA, 28 May 2025 – The ASEAN Auditors Conference 2025 concluded today on a high note, with the participation of 2,243 attendees including representatives from Supreme Audit Institutions (SAIs) of ASEAN and other Asian countries, marking a significant success in mainstreaming the vital role of auditors in supporting regional sustainable development.

The highlight of the Conference was the Closing Ceremony, officiated by The Honourable Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Prime Minister of Malaysia. In his closing address, the Honourable Prime Minister reaffirmed the Malaysian Government's commitment to strengthening good governance and the integrity of public institutions.

Her Excellency Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Auditor General of Malaysia, emphasised that this Conference served as a platform to foster collaboration in promoting governance, accountability, and transparency. She also stressed the importance of digital transformation in auditing, which is now a necessity rather than an option. In this regard, she highlighted Malaysia's commitment through the Digitalisation Project of the National Audit Department, which aims to drive real-time auditing and data analytics as the foundation for government transparency and responsiveness.

Among the key highlights and takeaways from the Conference are:

- i. His Excellency Dr. Kao Kim Hourn, ASEAN Secretary-General, reaffirmed ASEAN's commitment to inclusive and sustainable growth through strong governance, digital transformation, and climate resilience. He also

acknowledged the critical role of auditors in providing trusted assurance in areas such as artificial intelligence (AI), Environmental, Social and Governance (ESG), and public sector accountability.

- ii. The importance of follow-up audits in improving governance was demonstrated through initiatives such as Malaysia's Auditor General's Dashboard (AGD) and Indonesia's AI-based Follow-Up Monitoring Information System (SIPTL), as well as regional collaboration, including the audit recommendation monitoring initiative by the Philippines' SAI.
- iii. Discussions and knowledge sharing centred on the transformation of digital auditing, driven by data, AI, and automation; the evolving role of internal audit; AI-based risk assessments; tax governance; and human capital development, all aimed at achieving more integrated and sustainable future governance.

The Conference was supported by professional bodies and global audit firms such as the Malaysian Institute of Accountants (MIA), Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA), Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM), as well as Deloitte, Ernst & Young (EY), Klynveld Peat Marwick Goerdeler (KPMG), and PricewaterhouseCoopers (PwC) through concurrent knowledge-sharing sessions held over the two-day event.

Issued by:

National Audit Department Malaysia

